

24 JAN 2002

MAHATHIR-RHB/I

RHB BOLEH KEKAL SEBAGAI BANK PENERAJU ATAU BERGABUNG DENGAN YANG LAIN,
KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 24 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata RHB Bank boleh kekal sebagai bank peneraju jika ia mahu, dan bank itu juga boleh bergabung dengan yang lain.

"Mereka boleh kekal sebagai 10 bank peneraju atau mereka boleh bergabung kerana kita juga mahu menggalakkan penggabungan di kalangan bank-bank peneraju," kata beliau.

"Jadi, jika mereka mahu bergabung dengan bank-bank lain, tak ada masalah," katanya pada sidang media selepas mempengerusinya mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO di sini, hari ini.

Ditanya sama ada beliau menjangka penggabungan selanjutnya di kalangan kumpulan-kumpulan perbankan tahun ini, beliau berkata: "Kita tidak meminta mereka berbuat demikian untuk mengurangkan bilangan, tapi kita alu-alukan (penggabungan ini)."

Beberapa lama dahulu, kerajaan telah membuat keputusan untuk menghadkan bilangan bank peneraju kepada 10 buah dan urusan tersebut telah selesai menjelang akhir tahun lalu, kecuali bagi Bank Utama yang merupakan satu-satunya bank di negara ini yang tidak memiliki taraf bank peneraju.

RHB Bank dan Bank Utama sedang berbincang untuk bergabung tetapi perselisihan pendapat tentang harga telah menghalang janji niaga dicapai.

Utama Banking Group, yang memiliki Bank Utama telah mengadakan beberapa rundingan sejak 12 bulan lalu dengan RHB Group, yang memiliki RHB Bank, iaitu bank peneraju ketiga terbesar di negara ini selepas penggabungan dalam sektor perbankan, untuk mendapatkan kepentingan majoriti dalam RHB Bank.

Pengerusi eksekutif RHB, Tan Sri Rashid Hussain, pemegang saham terbesar tunggal dalam RHB, telah membuat tawaran untuk menjual keseluruhan kepentingannya sebanyak 23.9 peratus pada harga RM6 sesaham kepada UBG yang juga berminat untuk mengambil alih 22.7 peratus kepentingan dalam RHB daripada Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB).

Menurut laporan berita baru-baru ini, keseluruhan janji niaga ini (jika diteruskan) akan memerlukan UBG mengeluarkan kos sejumlah kira-kira RM1.8 bilion, iaitu harga yang dirasakan terlalu tinggi oleh sebilangan pemegang saham dalam CMSB meskipun bagi kepentingan majoriti dalam RHB Bank.

Menjawab soalan sama ada Bank Utama akan diberikan taraf bank peneraju jika ia berjaya menambah modal kepada RM2 bilion dalam enam bulan, Dr Mahathir berkata, "Tak ada lagi".

Perdana Menteri berkata semalam bahawa Utama Banking Group telah diberikan tempoh lanjutan selama enam bulan lagi untuk mencari rakan penggabungan bagi Bank Utama dari kalangan 10 bank peneraju sedia ada di negara ini.

Penganalisis-penganalisis perbankan berkata, jika rundingan penggabungan RHB-Utama dibatalkan, ini bererti UBG boleh berunding dengan Alliance Bank -- salah sebuah bank peneraju di negara ini -- jika ia masih menyimpan harapan untuk mendapatkan kepentingan majoriti. -- BERNAMA

LES MKO/MR KY ZK